

### PENDAHULUAN

Pandangan fuqaha:

#### Imam Nawawi :

Wakaf ialah terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan dari harta tersebut dengan mengekalkan zat harta itu.

#### Muhammad Hasan dan Abu Yusuf:

Wakaf ini ialah tertahan sesuatu harta atas pemilikan Allah dan bertukar manfaatnya ke atas orang yang menyukainya (sesiapa saja boleh menggunakan).

#### Kesimpulannya:

Harta waqaf adalah tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam secara amnya.

#### Tujuan:

Mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

### PENDEKATAN KONTRAK MUSAQAH UNTUK WAKAF PERTANIAN

- Musaqah iaitu usahasama pengurusan dalam pertanian.

- Bahasa:** saling menyiram.

- Syarak:** satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.

- Dalam erti kata lain:** ianya satu bentuk penyerahan pemilik tanaman kepada penjaga yang melakukan kerja-kerja pemberian, pengairan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat pengurusan akan diberi upah berdasarkan hasil tanaman.

### HUKUM PELAKSANAAN KONTRAK MUSAQAH

- Majoriti Ulama (imam Malik, al-Syafi'e, al-Tsauri, Abu Yusuf, Muhammad Bin Hassan, Ahmad dan Daud) mengHAR-USkan akad kontrak ini.

Berdasarkan kepada hadith: "Ibnu Umar r.a. telah menceritakan, bahawa Rasulullah s.a.w pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanah pertaniannya. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

- Imam Abu Hanifah dan Zufar:** musaqah tidak diperbolehkan sama sekali. Mereka menganggap agihan melalui hasil buah sebagai perkara yang tidak sah kerana bagi mereka, ia merupakan upah melalui hasil buah yang mana dilarang oleh syara'. Pendapat mereka berdasarkan hadis rasulullah yang bermaksud: "Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 ataupun 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan"

Pendapat mereka berdasarkan hadis rasulullah yang bermaksud: "Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 ataupun 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan".

### KELEBIHAN MUSAQAH PERTANIAN

- Dapat membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar.
- Dapat membantu golongan miskin untuk menjana pendapatan dengan hasil jualan tanaman yang dikongsi bersama dengan pihak majlis agama Islam negeri
- Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni

### Rukun Musaqah

Menurut jumhur ulama:

- |                                    |   |
|------------------------------------|---|
| <b>1. Kedua Pihak Yang Berkon-</b> | Kontrak yang dibuat oleh seorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah (iaitu seseorang yang berakal dan baligh)   |
| <b>2. Objek Musaqah:</b>           | a) Imam Syafie mensyaratkan buah kurma dan angur<br>b) Ulama' Hanbali pula melihat kepada pohon buah yang memerlukan pengurusan yang mana pengurusnya mendapat bahagian daripada hasil buah pohon yang diuruskan<br>c) Imam Malik berpendapat musaqah boleh dilakukan untuk semua tumbuhan yang memiliki batang |
| <b>3. Buah:</b>                    | Pendapat yang terkuat bagi ulama' Syafi'i yang juga merupakan pendapat Mazhab Hanbali ialah kontrak musaqah dikira sah apabila pohnya mula berbuah meskipun belum masak.  |

Sponsored by [CrosswordCheats.com](https://crosswordcheats.com)

Learn to solve cryptic crosswords!

[http://crosswordcheats.com](https://crosswordcheats.com)



### Rukun Musaqah (cont)

4. Disyaratkan bahawa pengurus
- Kerja:** diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.
5. **Ijab** Ungkapan boleh dibuat oleh pihak & pemilik atau pengurus
- Qabul:**

### Modus Operandi Kontrak Musaqah

1. Pengumpulan modal dibuat daripada orang ramai iaitu melalui kutipan saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.
2. Pihak majlis agama Islam negeri ataupun pihak berkuasa akan membuat pemilihan iaitu hanya memilih golongan miskin yang berkeupayaan sahaja dari sudut fizikal dan mental untuk melaksanakan kerja tersebut.
3. Pihak majlis agama Islam negeri ataupun pihak berkuasa tempatan akan menyediakan sebidang tanah untuk dibangunkan oleh golongan miskin. Disamping itu juga pihak majlis agama Islam negeri turut menyediakan modal untuk proses penanaman iaitu pembelian benih, baja, racun serta jentera pembajak. Bagi proses yang ketiga ini juga, pihak berkuasa akan membayar upah (ujrah) kepada golongan pengusaha ini untuk operasi penanaman pokok disebabkan kontrak musaqah sah bilamana pokok mula tumbuh dan berbuah walaupun masih kecil.
4. Pengusaha akan menguruskan ladang tersebut dari sudut penjagaan iaitu meracun, membaja dan sebagainya sehingga buah tersebut dapat dikutip dan dijual.

### Modus Operandi Kontrak Musaqah (cont)

5. Bila mana buah tersebut sudah masak dan boleh dijual, maka hasil jualan tersebut perlu diagihkan di antara pengusaha dan pihak berkuasa berdasarkan kepada persetujuan yang dipersetujui pada awal kontrak sama ada 50-50, 60-40, ataupun 70-30 peratus



By **Fata Bayyanu**  
[cheatography.com/fata-bayyanu/](https://cheatography.com/fata-bayyanu/)

Published 24th June, 2020.  
Last updated 24th June, 2020.  
Page 2 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**  
Learn to solve cryptic crosswords!  
<http://crosswordcheats.com>